

Pasaran Halal Global Buka Banyak Peluang Untuk Ahli Asean
Bernama
12 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Pasaran halal global, yang bernilai US\$2.3 trilion setahun, menawarkan banyak peluang untuk ahli Asean yang terus mencari peluang untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam rantau ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata dalam sektor makanan halal sahaja, pasaran dijangka US\$693 bilion setahun.

"Ternyata ada keperluan untuk negara-negara Asean terus meneroka potensi luas ini bukan hanya untuk menampung keperluan masyarakat Islam tetapi juga yang bukan Islam," katanya di Mesyuarat ke-9 Kumpulan Kerja Asean mengenai Makanan Halal di sini Khamis.

Mukhriz berkata eksport produk halal Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan enam peratus tahun ini.

Beliau berkata prestasi Malaysia dalam ekport produk halal oleh syarikat bersijil halal pada 2011 dianggarkan bernilai US\$11.8 bilion.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680196>